

KEJOHANAN BADMINTON TERTUTUP PERLIS TAHUN 2021

TEMPAT : DEWAN BADMINTON PsBA

TARIKH : 16 – 19 DISEMBER 2021

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Badminton Dunia (BWF) yang sedang berkuatkuasa dan Peraturan-peraturan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) serta Peraturan-peraturan Jawatan Kuasa Pengelola Kejohanan Badminton Tertutup Perlis 2021. Edisi Piala YB Parlimen Kangar.
2. Kejohanan ini terbuka kepada semua penduduk yang bermau statin di Negeri Perlis melebihi enam (6) bulan berturut-turut pada tarikh kejohanan bermula.
3. Anak-anak negeri Perlis dan pelajar-pelajar yang sedang belajar / bekerja di luar Perlis dibenarkan mengambil bahagian.
4. Seseorang peserta hendaklah sekurang-kurangnya berumur 16 tahun pada tahun pertandingan untuk kategori Terbuka dan umur minimum 10 tahun dan maksimum 12 tahun pada tahun pertandingan untuk kategori Novis khusus untuk pelatih skuad negeri Perlis (1 Januari 2021) kecuali peserta-peserta wanita.
5. Seseorang pemain dibenarkan bermain maksimum dua (2) acara sahaja.
6. Semua Peserta **WAJIB** menyertakan satu salinan kad pengenalan dan menjelaskan yuran penyertaan bersama-sama borang penyertaan.
7. Setiap penyertaan hendaklah menggunakan format borang rasmi yang dikeluarkan oleh pihak PsBA dan satu borang mewakili satu (1) acara yang diambil bahagian.

8. Mengisi borang google form melalui link <https://forms.gle/k6qXHkXGk5qY9Z3A6> atau di Facebook dan website rasmi PsBA (www.psba.com.my) dan **WAJIB** membayar yuran penyertaan di **PEJABAT PERSATUAN BADMINTON PERLIS** atau menghantar bukti slip pembayaran kepada Persatuan Badminton Perlis (CIMB No. 8006330368) pada atau sebelum tarikh tutup **03 Disember 2021** jam 12.00 tengahari melalui aplikasi whatsapp 0194297519 (En Fakhrul) atau 0194129466 (En Fikri).
9. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **3 DISEMBER 2021 (Selasa)** sebelum jam **12.00 TENGAHARI**. Penyertaan tanpa yuran penyertaan akan ditolak.
10. Referi kejohanan berhak membatalkan penyertaan mana-mana pemain jika didapati melanggar peraturan ini dan wang penyertaan tidak akan dikembalikan.
11. Pihak pengelola berhak menolak mana-mana penyertaan yang diragui, mengundang masalah atau kontraversi, tidak lengkap, dibuat secara dummy, diterima selepas tarikh tutup dan tanpa salinan kad pengenalan.
12. Sebarang bantahan mengenai pemain yang terlibat didalam kejohanan hendaklah dibuat secara bertulis kepada referi Kejohanan tidak lewat dari 30 minit selepas perlawanan berkenaan tamat dan disertakan dengan bayaran RM100.00. Bukti dan dakwaan / pertuduhan hendaklah disertakan dalam dokumen lengkap. Bayaran ini tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan tersebut ditolak,
13. Pihak jawatankuasa pengelola kejohanan berhak menolak dan membatalkan mana-mana penyertaan yang diragui kesahihannya dan membuat keputusan dalam hal-hal yang tidak dinyatakan. Keputusan referi adalah **MUKTAMAD**.
14. Jadual dan masa perlawanan boleh dirujuk www.tournamentsoftware.com

Syarat Khas Acara Novis

1. Individu yang tidak pernah dinobatkan sebagai **JOHAN DALAM MANA-MANA ACARA** di Kejohanan Badminton Tertutup Perlis.
2. Tidak pernah mewakili negeri Perlis/IPTA/IPTS dalam kejohanan peringkat kebangsaan/antarabangsa seperti **SUKMA, MAKSAK, SIPMA, MSSM** dan mempunyai **ID BAM** dari tahun 2010-2021.
3. **Pemain kebangsaan** dan **pelapis kebangsaan** dari tahun 2010-2021 tidak layak untuk menyertai kejohanan ini.
4. Peserta hendaklah berumur 16 tahun ke atas pada tahun pertandingan kecuali pelatih skuad negeri.
5. Pelatih skuad negeri yang berumur 14 tahun ke bawah sahaja yang dibenarkan menyertai kategori ini.

Syarat Khas Acara Veteran

1. Peserta acara perseorangan lelaki veteran hendaklah berumur 40 tahun ke atas. (Lahir pada tahun 1981 atau sebelum)
2. Peserta acara beregu lelaki veteran hendaklah berumur 45 tahun ke atas. (Lahir pada tahun 1976 atau sebelum)